

LBS CATAT PENINGKATAN KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI SEBANYAK 96% BAGI Q3FYE22

- *Pendapatan meningkat 108% tahun ke tahun kepada RM528.9 juta daripada RM254.0 juta.*
 - *Nilai jualan tanpa bil sebanyak RM2.54 bilion.*
 - *Jumlah jualan hartanah (21 November 2022: RM1.83 bilion) – melepasi sasaran jualan 2022 sebanyak RM1.6 bilion.*
-

Petaling Jaya, 21 November 2022 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”) hari ini mengumumkan keputusan suku ketiga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (“Q3FYE22”).

Bagi suku dalam tinjauan, LBS mencatatkan keputusan kewangan yang kukuh didorong oleh keuntungan yang memberangsangkan sebanyak RM528.9 juta dengan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 108% berbanding daripada RM254.0 juta pada Q3FYE21. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan bukan kawalan (“PATMI”) masing-masing meningkat sebanyak 96% dan 95%, dengan peningkatan tahun ke tahun, daripada RM20.0 juta kepada RM39.2 juta dan daripada RM18.1 juta kepada RM35.4 juta.

Segmen pembangunan hartanah kekal sebagai penyumbang terbesar kepada keuntungan Syarikat. Rekod pembangunan hartanah mencatatkan peningkatan dua kali ganda daripada RM243.2 juta kepada RM512.2 juta pada Q3FYE22. Pendapatan ini sebahagian besarnya didorong oleh kadar pengambilan positif daripada projek utama LBS di Bukit Jalil, LBS Alam Perdana, KITA @ Cybersouth dan Taman Perindustrian Alam Awana. Selain itu, Syarikat turut mengumumkan bahawa projek-projek pembangunan di Lembah Klang turut menyumbang lebih 85% kepada pendapatan Syarikat bagi tempoh kewangan semasa.

Bagi sembilan bulan berakhir 30 September 2022, pendapatan dan PATMI masing-masing melonjak sebanyak 46% dan 69% kepada RM1.3 bilion dan RM100.6 juta berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021.

Syarikat turut mengumumkan bahawa sehingga 21 November 2022, LBS telah melepasi sasaran jualan hartanah RM1.6 bilion iaitu peningkatan 14% kepada RM1.83 bilion. Sehingga 31 Oktober 2022, LBS mempunyai bank tanah untuk pembangunan masa hadapan seluas 2,663 ekar dan nilai jualan tanpa bil sebanyak RM2.54 bilion.

Mengulas mengenai keputusan tersebut, Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Lim Hock San berkata, “LBS telah merekodkan prestasi yang sangat baik pada suku ini dan kami amat gembira dengan keputusan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa permintaan hartanah mampu milik akan terus kukuh dan relevan. LBS berada di landasan yang tepat dengan pembinaan pembangunan di lokasi dan kawasan strategik di samping harga berpatutan telah membuahkan hasil sekaligus berjaya mengekalkan prestasi yang baik sepanjang tahun 2022. LBS berhasrat untuk melancarkan hartanah bernilai RM424 juta pada suku keempat tahun ini dan ianya bakal memberikan kami kelebihan untuk mengakhiri tahun 2022 dengan cemerlang dan positif.”

Beliau menambah “Menerusi pengumuman terkini Bank Negara, Malaysia berkemungkinan menghadapi iklim ekonomi mencabar pada 2023, susulan daripada masalah bekalan, ketidakstabilan geopolitik dan turun naik pasaran yang boleh menjejaskan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, kami akan lebih berhati-hati dan mengambil kira segenap faktor negatif ini kerana dengan pendekatan dan langkah strategik, LBS percaya kami berupaya meminimumkan kadar gangguan kepada perniagaan kami pada suku hadapan.”

-Tamat-